

16 OCT 1997

Mahathir-AEM

AEM: HATI-HATI OPERASI PELABURAN WANG PANAS, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi ingatan kepada negara-negara Asean bahawa dalam menarik pelaburan jangka panjang mereka seharusnya menolak "operasi pelaburan wang panas yang tidak membawa kemakmuran kepada kita".

Ketika mata wang beberapa buah negara Asean diserang dengan teruk oleh aktiviti spekulatif dan manipulatif, Dr Mahathir berkata mereka sepatutnya mampu membuat perbezaan antara operasi spekulatif wang panas jangka pendek dengan pelaburan serius dalam aktiviti-aktiviti yang produktif.

Perdana Menteri berkata keupayaan untuk membezakan antara pelaburan sebenar dengan operasi spekulatif adalah penting seperti yang terbukti akibat serangan ke atas beberapa mata wang Asean yang menunjukkan betapa mata wang negara-negara rantau ini mudah terdedah kepada tindakan seperti itu.

Bagi kemakmuran jangka panjang Asean, negara-negara anggota perlu bekerjasama dalam merumuskan satu dasar makro ekonomi bagi memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang stabil dan berkekalan untuk rantau ini, katanya semasa merasmikan mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29 di sini.

Mesyuarat dua hari itu, yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, dihadiri menteri-menteri perdagangan dan ekonomi sembilan negara anggota Asean termasuk Myanmar dan Laos menyertai pertubuhan serantau itu Julai lalu.

Dr Mahathir berkata dalam mengamalkan aspek-aspek positif pembangunan pasaran kewangan, Asean perlu memastikan tiada penyelewengan berlaku seperti memanipulasi pasaran mata wang yang telah membawa banyak kesulitan kepada negara-negara anggota.

Berhubung peranan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dalam mewujudkan perdagangan global yang bebas, beliau berkata "liberalisasi tidak bermakna peraturan dan undang-undang dibuang sama sekali".

Katanya "ia untuk memastikan semua negara tertakluk kepada satu peraturan yang sama, peraturan dan undang-undang yang dipakai di seluruh dunia daripada hanya untuk negara-negara tertentu sahaja". Bagaimanapun ia hendaklah dirumuskan secara adil, tambahnya.

Sambil menegaskan bahawa tindakan yang diambil di luar WTO tidak seharusnya dibenarkan dan dipatuhi, beliau berkata semasa persidangan menteri-menteri WTO Disember lepas Asean meneruskan usahanya agar isu-isu yang tidak berkaitan dan bukan isu perdagangan tidak berada dalam disiplin badan perdagangan dunia itu.

"Kita perlu longgarkan tanpa mengeneipkan ancaman daripada mereka yang hanya mahu mengambil peluang daripada kekuatan dan pengalaman mereka dan kelemahan yang ada pada mangsa mereka".

Dr Mahathir berkata faktor-faktor tersebut merupakan antara beberapa cabaran yang menghadapi Asean sekarang.

Beliau berkata adalah lebih baik dan selamat bagi negara-negara Asean bekerjasama untuk menghadapi masalah bersama daripada memencilkan diri dengan harapan tidak dihiraukan oleh pihak lain.

Perdana Menteri berkata walaupun dari segi ekonomi Asean telah bersatu, kumpulan itu perlu merebut segala faedah daripada ledakan teknologi maklumat di peringkat awal lagi "sebelum kita terlambat untuk mengejar pembangunan yang besar dan pantas ini."

"Asean perlu memastikan prinsip-prinsip rangka kerja perdagangan

elektronik tidak merugikan pertubuhan itu tetapi membolehkan kita untuk meraih faedah secara maksimum. Kita tidak boleh nafikan kita memerlukan hasil pendapatan dan kebanyakan daripada hasil pendapatan ini adalah daripada aktiviti-aktiviti komersil," katanya.

Dr Mahathir berkata Asean perlu melihat dengan prespektif baru bagaimana ia telah bekerjasama... "matlamat kita ialah untuk mendapatkan kelebihan daripada kekuatan kita daripada hanya melindungi kelemahan kita."

Beliau berkata: "kita telah berjuang dengan keras untuk mencapai kemerdekaan dan tidak rela kedaulatan kita dikorbankan semata-mata atas nama kebebasan, melanggar sempadan ekonomi kita dan lain-lain tanpa sekatan.... sekurang-kurangnya kita mesti pasti bahawa pelanggaran tersebut lambat-laun akan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang menguntungkan."

Beliau juga berkata Asean perlu mengurangkan kos transaksi, memudahkan prosedur pentadbiran dan menjadikannya lebih telus serta memerangi amalan rasuah secara bersungguh-sungguh.

Bagi menjadikan kos menjalankan perniagaan di Asean lebih murah, beliau berkata industri-industri utiliti di rantau ini perlu mengkaji kecekapan masing-masing dan melonggarkan peraturan-peraturan yang merugikan berkaitan kos tenaga elektrik, gas, air dan telekomunikasi.

Walaupun menghadapi pelbagai kesulitan, Asean berjaya menghadapinya dan kini menjadi sebuah pertubuhan serantau yang sedang berusaha keras mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), untuk mendapat tempat di pasaran antarabangsa bagi barangan dan pelaburan.

Dengan ini, pertubuhan itu akan menjadi kawasan pelaburan yang menarik bagi pelaburan langsung asing jangka panjang tidak spekulatif yang akan menarik pengeluar-pengeluar bertaraf dunia untuk menempatkan operasi mereka di Asia Tenggara yang dianggarkan mempunyai pasaran konsumen membeli 500 juta orang menjelang akhir dekad ini.

Beliau menyambut baik usaha untuk mewujudkan skim Kerjasama Pelaburan Asean (Aico) yang bukan sahaja bertujuan mengurangkan tarif dengan menggalakkan kerjasama perindustrian dan pembangunan Kawasan Pelaburan Asean (AIA).

AIA, katanya, bertujuan untuk meningkatkan kedayasaingan Asean menerusi pengaliran bebas modal serta barangan dengan dasar-dasar dan amalan pelaburan yang telus dan untuk menjadikan Asean syurga pelaburan.

Dr Mahathir yakin kerjasama ekonomi Asean dapat dipertingkatkan lagi seperti yang dirumuskan oleh Sidang Kemuncak Asean Keempat di Singapura pada 1992. -- Bernama

MR JK oba